


# 15 pelajar ulung program Sarjana Minyak, Gas UMS

UM 2/8/2011/26



**HASHIM** Paijan memukul gong sebagai simbolik pelancaran Program Sarjana Minyak dan Gas sambil diperhatikan Dr. Rosalam Sarbatly (kiri) dan Dr. Kassim Md. Mansur di Dewan Canselori UMS, Kota Kinabalu, baru-baru ini.

Dalam pada itu, beliau berkata, program itu dibuka kepada pemegang Ijazah Sarjana Muda dalam Kejuruteraan dengan Purata Nilai Gred Keseluruhan (PNGK) tidak ku-

rang daripada 2.7 PNGK.

Sementara itu, Hashim berkata, kewujudan program tersebut diharapkan dapat membantu melahirkan modal insan mahir bagi memenuhi

keperluan dalam pembangunan industri minyak dan gas di negeri ini.

Ujarnya, pembangunan pesat industri minyak dan gas khususnya

pembinaan Terminal Minyak dan Gas Sabah (SOGT) di Komanis membuka banyak peluang pekerjaan kepada pelajar dalam bidang berke-  
naan.

KOTA KINABALU 2 Ogos - Seramai 15 pelajar akan ditawarkan mengikuti Program Sarjana Kejuruteraan Minyak dan Gas yang julung kali diperkenalkan di Universiti Malaysia Sabah (UMS) bermula September ini.

Dekan Sekolah Kejuruteraan dan Teknologi Maklumat UMS, Prof. Madya Dr. Rosalam Sarbatly berkata, meskipun mendapat permintaan yang tinggi keutamaan tetap diberikan kepada pelajar-pelajar tempatan.

"Ini adalah program yang pertama diadakan di Malaysia dan yang keempat di dunia selepas Amerika Syarikat, Brazil dan Scotland.

"Selain kerja kursus yang berlainan, kelainan program ini adalah para pelajar perlu menjalani latihan sebenar di industri terpilih bagi membolehkan mereka menamatkan pengajian," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang akhbar majlis pelancaran Program Sarjana Minyak dan Gas di Dewan Canselori UMS di sini, baru-baru ini.

Turut hadir Setiausaha Tetap Kementerian Pembangunan Perindustrian negeri, Hashim Paijan dan Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni) UMS, Prof. Madya Dr. Kassim Md. Mansur.

Menurut Rosalam program secara sepenuhnya masa itu akan mengambil masa 18 bulan atau selama tiga semester.

Jelasnya, kaedah pengajaran dalam program itu termasuklah melalui kuliah, tutorial, kajian kes, latihan industri, kerja lapangan dan tesis.